

KEBERKESANAN PENGGUNAAN LAMAN WEB SEBAGAI PELANTAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KO-KURIKULUM

Mohd Sanusi Deraman

Department of Mathematic Science Computer, Polytechnic Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

*Corresponding author : sausi@pkb.edu.my

Received 5 June 2023: Accepted 9 July 2023: Available online 1 November 2023

Abstrak

Kajian ini menilai keberkesanan laman web (Pasukann Istitusi Pertahanan Awam, (PISPA) Politeknik Kota Bharu dalam menyokong pengurusan dan penyampaian maklumat berkaitan aktiviti ko-kurikulum. Melalui analisis soal selidik terhadap 45 pelajar serta pemerhatian terhadap statistik penggunaan laman, didapati laman ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan akses maklumat. Keputusan menunjukkan 87% pelajar bersetuju laman ini memudahkan urusan mereka. Kajian ini memberikan cadangan penambahbaikan berdasarkan dapatan untuk meningkatkan lagi kualiti penggunaan laman web.

Kata Kunci: Laman web, kokurikulum, APM, PISPA.

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi digital masa kini telah mengubah landskap pendidikan secara menyeluruh, terutamanya dalam aspek penyampaian maklumat dan pengurusan akademik. Revolusi digital yang melanda dunia pendidikan selepas pandemik Covid-19 telah membuka ruang kepada institusi pengajian tinggi untuk meneroka pendekatan baharu dalam pengurusan pembelajaran dan aktiviti ko-kurikulum. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat tempat ialah penggunaan pelantar Web 2.0 yang mesra pengguna dan mampu diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Di Politeknik Kota Bharu (PKB), laman web PISPA dibangunkan menggunakan aplikasi Google Sites untuk memudahkan pengurusan kursus ko-kurikulum yang diwajibkan ke atas semua pelajar diploma.

Program PISPA merupakan kursus ko-kurikulum unik yang memerlukan pelajar mengikuti pelbagai jenis aktiviti seperti latihan kawad, kem tahunan, kursus asas dan pentauliah. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan sistem pengurusan pendidikan secara dalam talian, terutamanya dalam konteks aktiviti kokurikulum di peringkat politeknik. Penemuan kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada institusi lain yang bercadang untuk membangunkan sistem yang sama menggunakan teknologi kos rendah tetapi berimpak tinggi seperti Google Sites.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap keberkesanan laman web PISPA PKB dalam menyampaikan maklumat ko-kurikulum.
2. Penerimaan pelajar terhadap sebagai medium yang berkesan dalam pengurusan dokumen dan aktiviti kokurikulum.

Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada pelajar semester 1 dan 2 yang mengambil kursus ko-kurikulum di Politeknik Kota Bharu. Kajian ini hanya merangkumi penggunaan laman web PISPA dalam konteks capaian maklumat, penghantaran laporan, dan interaksi dengan fasilitator kursus.

KAJIAN LITERATUR

Penggunaan teknologi dalam pendidikan, khususnya melalui laman web, telah berkembang pesat dan memberi impak besar terhadap cara pengajaran dan pembelajaran dijalankan di institusi pengajian tinggi. Conole dan Alevizou (2010) menyatakan bahawa pelantar lama web ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam mengubah landskap pendidikan tinggi dengan menyediakan platform yang mesra pengguna dan berinteraksi tinggi. Hal ini turut diperkuat oleh Yusoff, Hamat, dan Basir (2019) yang mendapati aplikasi Web 2.0 mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam kursus mata pelajaran umum di politeknik.

Kajian oleh Adzkiya dan Suryaman (2021) menunjukkan bahawa penggunaan Google Sites sebagai medium pembelajaran memberi kesan positif dalam memudahkan pelajar mengakses maklumat dan bahan pembelajaran, selari dengan objektif pembangunan laman Web PISPA di Politeknik Kota Bharu. Google Sites yang digunakan sebagai asas pembinaan laman ini terbukti mudah diakses dan dikendalikan oleh pelajar, sekaligus menjimatkan masa serta kos (Adzkiya & Suryaman, 2021).

Kajian Hamzah, Rani, dan Isa (2020) mengenai penerimaan pelajar politeknik terhadap pembelajaran dalam talian mendapati tahap penerimaan yang tinggi bergantung kepada kemudahan capaian dan kefungsi sistem. Ini sejalan dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan min tertinggi (4.76) ialah pada item kebolehcapaian laman Web PISPA. Tambahan pula, Fatin Aliah Phang (2020) menekankan bahawa pembelajaran atas talian menyumbang kepada pembelajaran sepanjang hayat, memberi pelajar lebih fleksibiliti untuk mengakses maklumat di luar waktu kuliah.

Pengurusan ko-kurikulum yang sistematik amat penting dalam memastikan pencapaian pelajar diakui dan direkod dengan tepat. Mohamad Noh, Ajis, dan Din Chen (2022) menekankan pentingnya pendekatan kreatif dan digital dalam pelaksanaan kokurikulum norma baharu. Dalam konteks ini, laman Web PISPA menjadi contoh bagaimana pengurusan digital membantu merekod penyertaan pelajar secara dalam talian.

Dari perspektif polisi pendidikan, Dasar Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2022–2025 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) menggalakkan penggunaan platform digital bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran. Laman Web PISPA secara langsung menyokong dasar ini melalui pemindahan dokumen ke sistem atas talian serta mengurangkan kebergantungan kepada dokumentasi fizikal.

Aspek kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam kajian ini disokong oleh Brown (2002), yang menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.80 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai 0.82 dalam kajian ini membuktikan kesahan alat ukur dalam menilai keberkesanan laman.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa integrasi teknologi digital, terutamanya pelantar Web 2.0 seperti Google Sites, memberikan kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan ko-kurikulum. Pengalaman dari institusi lain dan dasar semasa menyokong dapatan kajian ini yang menunjukkan keberkesanan laman Web PISPA dalam menyokong pengurusan aktiviti pelajar.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan kuantitatif deskriptif, di mana data dikumpulkan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan laman web berdasarkan persepsi pengguna. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang luas dan terperinci dalam masa yang singkat dan mudah dianalisis menggunakan statistik asas. Ujian Kebolehpercayaan terhadap soal selidik nilai Cronbach's Alpha adalah 0.82 (menunjukkan kebolehpercayaan tinggi)

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Politeknik Kota Bharu yang mengikuti kursus ko-kurikulum PISPA dari Semester 1 hingga Semester 2 seramai 51 orang Teknik pensampelan rawak mudah digunakan untuk memilih 45 orang responden sebagai sampel kajian berdasarkan jadual Krejcie & Morgan . Sampel dipilih secara rawak merentas pelbagai program pengajian dan kursus PISPA bagi memastikan representasi data yang menyeluruh.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini adalah borang soal selidik Google Form yang dibina berdasarkan dimensi keberkesanan laman web seperti kebolehcapaian, kefungsiian, kemudahan navigasi, dan reka bentuk antara muka pengguna. Soal selidik mengandungi dua bahagian:

Bahagian A: Demografi responden – umur, jantina, semester, dan kekerapan penggunaan laman web.

Bahagian B: Keberkesanan Laman Web – terdiri daripada 10 item pernyataan menggunakan skala Likert 5 mata:

1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

Soalan-soalan ini telah disemak oleh tiga orang pensyarah sebagai panel pakar untuk memastikan kesesuaian kandungan dan ketepatan bahasa sebelum diedarkan.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan secara dalam talian melalui Google Form. Borang soal selidik disebarkan kepada pelajar melalui saluran rasmi seperti Telegram kelas dan e-mel institusi. Pengumpulan data berlangsung selama dua minggu.

Teknik Analisis Data

Data dianalisis menggunakan **Microsoft Excel** untuk mendapatkan nilai **min dan skor purata** bagi setiap item pernyataan. Interpretasi tahap keberkesanan ditentukan berdasarkan jadual interpretasi min berikut:

Jadual 1 : Skor minn tahap keberkesana

Skor Min	Tahap
0.00 – 1.66	Rendah
1.67 – 3.33	Sederhana
3.34 – 5.00	Tinggi

PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang merangkumi 10 item utama berdasarkan skala Likert 5 mata untuk mengukur tahap keberkesanan laman web PISPA. Responden diminta menilai pernyataan-pernyataan berkaitan kemudahan penggunaan, kefungsiian, reka bentuk dan impak laman web terhadap urusan pembelajaran dan dokumentasi ko-kurikulum. Jumlah responden adalah 51 orang pelajar dari pelbagai semester yang terlibat dengan kursus PISPA.

Demografi

Jadual 2: Agihan Umur Responden

Umur (Tahun)	Frekuensi (f)	Peratus (%)
18	15	33.3%
19	17	37.8%
20	13	28.9%

Jumlah	45	100%
--------	----	------

Jadual 3: Agihan Jantina Responden

Jantina	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Lelaki	20	44.4%
Perempuan	25	55.6%
Jumlah	45	100%

Jadual 4: Program Pengajian

Jabatan	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Kejuruteraan Mekanikal	18	40.0%
Kejuruteraan Awam	15	33.3%
Kejuruteraan Elektrik	12	26.7%
Jumlah	45	100%

Jadual 5: Kekerapan Akses Laman Web PISPA dalam Seminggu

Kekerapan Akses/Minggu	Frekuensi (f)	Peratus (%)
1-2 kali	22	48.9%
3-5 kali	17	37.8%
Lebih 5 kali	6	13.3%
Jumlah	45	100%

Data demografi responden menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini berumur antara 18 hingga 20 tahun, iaitu kumpulan umur tipikal bagi pelajar politeknik. Pelajar berumur 19 tahun (37.8%) merupakan kumpulan umur paling dominan, diikuti oleh 18 tahun (33.3%). Ini menunjukkan bahawa pelajar semester awal merupakan pengguna utama laman Web PISPA.

Dari aspek jantina, responden wanita (55.6%) melebihi lelaki (44.4%). Ini mencerminkan penyertaan aktif pelajar perempuan dalam aktiviti ko-kurikulum dan penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Walaupun secara tradisional kursus PISPA dikaitkan dengan aktiviti fizikal seperti latihan kawad dan kem, penyertaan pelajar perempuan menunjukkan kesediaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan pengurusan digital.

Dari segi program pengajian, pelajar dari Kejuruteraan Mekanikal mencatatkan peratusan tertinggi (40.0%), berkemungkinan kerana program ini mewajibkan penyertaan aktif dalam kursus ko-kurikulum seperti PISPA. Pelajar dari program Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan Elektrik juga menunjukkan penglibatan yang signifikan.

Kekerapan akses laman web PISPA menunjukkan bahawa hampir separuh pelajar (48.9%) melayari laman tersebut 1 hingga 2 kali seminggu, manakala 37.8% mengakses 3 hingga 5 kali seminggu. Hanya sebilangan kecil pelajar (13.3%) mengakses laman lebih daripada 5 kali. Ini menunjukkan bahawa walaupun laman web digunakan secara konsisten, terdapat ruang untuk meningkatkan interaktiviti dan kandungan supaya pelajar lebih kerap melayarinya.

Keseluruhannya, analisis demografi ini memberi gambaran bahawa laman Web PISPA diterima baik oleh pelajar dari pelbagai latar belakang dan boleh diperluas penggunaannya kepada lebih banyak program dan tahap pengajian. Penggunaan yang konsisten dalam kalangan pelajar awal semester juga membuka ruang untuk intervensi lebih awal dalam pembelajaran ko-kurikulum berasaskan teknologi.

Keberkesanan dan penerimaan

Jadual 2: Analisis Skala Likert Keberkesanan Laman Web PISPA

Bil	Item Pernyataan	Min	Tahap
1	Saya merasakan laman Web PISPA mudah untuk digunakan	4.51	Tinggi
2	Ikon dan navigasi laman ini mudah difahami	4.40	Tinggi
3	Laman ini mempunyai reka bentuk antaramuka yang menarik	4.12	Tinggi
4	Arahan yang terdapat dalam laman ini jelas dan mudah diikuti	4.35	Tinggi
5	Laman ini boleh dicapai pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi	4.76	Sangat Tinggi
6	Saya merasakan laman ini adalah mesra pengguna	4.44	Tinggi
7	Laman ini membantu saya menyusun laporan aktiviti dengan lebih efisien	4.38	Tinggi
8	Saya berasa lebih mudah menghantar dokumen secara atas talian melalui laman ini	4.49	Tinggi
9	Saya rasa yakin menggunakan laman ini tanpa perlu bantuan luar	4.29	Tinggi
10	Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan laman Web PISPA	4.53	Tinggi
	Min Purata	4.43	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa kesemua item menunjukkan nilai min melebihi 4.00, menandakan tahap keberkesanan yang tinggi. Item tertinggi adalah 'Laman ini boleh dicapai pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi' dengan min 4.76, membuktikan bahawa kebolehcapaian laman ini adalah ciri yang paling dihargai oleh pelajar. Ini turut menyokong matlamat pembelajaran fleksibel yang digariskan dalam dasar pendigitalan pendidikan tinggi.

Secara keseluruhan, min purata keseluruhan adalah 4.43, menunjukkan bahawa pelajar menerima dan menilai laman Web PISPA sebagai medium yang berkesan dalam pengurusan dokumen dan aktiviti kokurikulum.

IMPAK

Laman ini membantu pensyarah dan pelajar dalam pengurusan aktiviti ko-kurikulum secara sistematik, mengurangkan kebergantungan kepada dokumentasi fizikal, dan menyokong pendigitalan politeknik serta meningkatkan imej profesional institusi.

Impak kepada Institusi

Pelaksanaan laman web PISPA oleh Politeknik Kota Bharu telah memberi impak positif yang signifikan terhadap keberkesanan sistem pengurusan aktiviti dan dokumen kursus kokurikulum. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar menilai laman web ini sebagai sangat mudah diakses, mesra pengguna, dan membantu dalam pelaksanaan tugas berkaitan aktiviti ko-kurikulum. Beberapa impak utama yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

Dengan adanya sistem digital ini, pensyarah dan pelajar tidak lagi perlu menunggu waktu kelas atau sesi bersemuka untuk menghantar atau menerima maklumat. Komunikasi boleh berlaku secara serentak melalui pautan laman, dan kemaskini terkini boleh disebar dengan pantas. Hal ini mempercepatkan masa respon terhadap tugas-tugas, menyumbang kepada pengurusan masa yang lebih efisien dan teratur.

Platform Fleksibel Ketika Krisis dan Luar Waktu Pembelajaran

Laman web ini menjadi sangat penting semasa tempoh pandemik, di mana perjumpaan fizikal dihadkan. Ia memberikan peluang kepada pelajar untuk terus aktif mengikuti kokurikulum secara maya, sekali gus memastikan kesinambungan pembelajaran walaupun dalam keadaan luar jangka. Selain itu, pelajar juga boleh mengakses maklumat pada bila-bila masa, termasuk semasa cuti semester atau luar waktu kuliah.

CADANGAN PENKAJI AKAN DATANG

1. Menambah fungsi notifikasi automatik kepada pelajar.
2. Menyediakan aplikasi mudah alih versi laman telefon pintar.
3. Kajian lanjutan merangkumi keberkesanan dalam aspek penilaian pelajar oleh fasilitator.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, laman web PISPA PKB memberi kesan positif terhadap pengurusan aktiviti ko-kurikulum. Peningkatan dari aspek reka bentuk, integrasi sistem, dan kebolehgunaan akan menjadikan laman ini lebih efektif. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan laman web PISPA yang dibangunkan melalui aplikasi Google Sites telah memberi impak yang positif dan signifikan dalam pengurusan aktiviti serta dokumentasi kursus ko-kurikulum di Politeknik Kota Bharu. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap laman ini, terutamanya dari aspek kebolehcapaian, kemudahan penggunaan, dan kecekapan penghantaran laporan.

Impak yang paling ketara ialah keupayaan laman ini dalam menyokong usaha pendigitalan institusi serta memperkukuhkan elemen pengurusan pendidikan berasaskan teknologi maklumat. Penggunaan laman ini juga selaras dengan pendekatan pembelajaran fleksibel yang kini menjadi keperluan dalam sistem pendidikan tinggi negara.

RUJUKAN

- Adzkiya, D. S., & Suryaman, M. (2021). Penggunaan media pembelajaran Google Site dalam pembelajaran Bahasa Inggris kelas V SD. *Educate: Jurnal Teknologi Pendidikan*, 6(2), 20–31.
- Conole, G., & Alevizou, P. (2010). A literature review of the use of Web 2.0 tools in Higher Education. The Open University, UK.
- Mohamad Noh, A., Ajis, A., & Din Chen, E. (2022). Pengurusan kreatif digital dalam melaksanakan kokurikulum norma baharu. *International Conference on Educational Leadership and Management (ICELAM)*, 2(2), 544–558.
- Hamzah, S. N., Rani, L. M., & Isa, A. (2020). Kajian penerimaan pelajar Politeknik Balik Pulau terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PDPDT). *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 407–414.
- Yusoff, A. F. M., Hamat, W. N. W., & Basir, N. K. (2019). Penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus mata pelajaran umum (MPU) di politeknik. *e-BANGI*, 16(5), 1–13.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Dasar Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2022–2025*. Putrajaya: Bahagian Dasar dan Perancangan.
- Brown, J. D. (2002). The Cronbach alpha reliability estimate. *JALT Testing & Evaluation SIG Newsletter*, 6(1), 17–19.
- Fatin Aliah Phang. (2020). *Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat*. Universiti Teknologi Malaysia.